

24 APR 1935

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

DR. M GEMBIRA ANWAR IBRAHIM MENANG

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sungguh gembira atas kemenangan bekas Presiden ABIM, Encik Anwar Ibrahim, yang berjaya menawan kembali kerusi Parlimen Permatang Pauh dari PAS dalam pilihanraya umum ini.

Sewaktu mengulas kejayaan cermerlang itu, beliau berkata: "Saya gembira kerana Encik Anwar telah menyertai parti yang diterima rakyat dan saya juga gembira kerana telah mengemukakan calon paling sesuai bagi Permatang Pauh.

"Encik Anwar disifatkan oleh segolongan pemilih di Permatang Pauh sebagai seekor burung yang baru bersayap. Tapi nampaknya, sayapnya tidaklah selembut yang dijangkakan."

Selanjutnya, beliau berkata pihaknya sentiasa berhati-hati dan tidak akan mengambil sikap terlalu yakin sewaktu menghadapi pilihanraya.

Khususnya, tambahnya, apabila beliau sendiri pernah tewas di tangan PAS dalam tahun 1969.

Encik Anwar menyertai UMNO beberapa hari sebelum penamaan calon kerana beliau terlalu tertarik dan mengagumi kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam yang dikenali sejak beberapa tahun.